

23.10.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA-KERJA PEMASANGAN SESALUR PAIP UTAMA: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 8 JAM DI KAWASAN DI JALAN PERMATANG RAWA KE JALAN PERDA UTAMA, SEBERANG PERAI TENGAH PADA 31 OKTOBER 2020

Masa/Hari/Tarikh	10.00 malam, Sabtu 31 Oktober 2020 – 6.00 pagi Ahad, 1 November 2020.
Sebab	Pemasangan Injap Kupu-kupu DN 600mm di Jalan Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah.
Jumlah akaun air yang terjejas	2,600 akaun.

PULAU PINANG, Jumaat, 23.10.2020: Kerja-kerja penyambungan akhir paip untuk memasang Injap Kupu-kupu berdiameter 600mm di Jalan Permatang Rawa, Seberang Perai Tengah pada hari Sabtu, 31.10.2020.

Bagi membolehkan kerja-kerja fizikal ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) perlu mengasingkan dan “menutup” bahagian saluran paip 600mm sedia ada.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 8 jam di kawasan tertentu di Jalan Perda Utama dan Permatang Rawa. Kira-kira 2,600 akaun air akan terjejas oleh gangguan bekalan air ini.

Pengguna di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk penggunaan selama **8 jam, dari 10.00 malam Sabtu, 31**

Oktober 2020 hingga 6.00 pagi hari Ahad, 1 November 2020:

1.	Kawasan Kampung Permatang Batu	5.	Kampung Permatang Rawa
2.	Kawasan IKS Permatang Batu	6.	IKS Permatang Rawa Area
3.	Flat dan Kondominium Prominence	7.	Taman Riang, SPT.
4.	Kawasan Perniagaan Bandar Perda Timur		

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas.

Harap maklum kerja-kerja pemasangan paip ini adalah untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pembekalan air ke daerah Seberang Perai Selatan.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan sementara yang berlaku. Jangan lupa untuk menyimpan air yang mencukupi untuk digunakan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

Affected Areas